



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Bil Perbendaharaan (Tempatan) (Pindaan) 1986

DR.21/1986

D.R. 21/86

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi meminda Akta Bil Perbendaharaan
(Tempatan) 1946.

[PARLIMEN]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut :

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) (Pindaan) 1986. Tajuk ringkas.
2. Subseksyen (1) seksyen 2 Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “tiga ribu juta ringgit” dengan perkataan-perkataan “lima ribu juta ringgit”. Pindaan seksyen 2. 9/46.

HURAIAN

Pada masa sekarang jumlah maksimum yang boleh didapatkan di bawah Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 ialah tiga ribu juta ringgit. Jumlah tambahan sebanyak dua ribu juta ringgit lagi perlulah didapatkan bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelima. Oleh itu jumlah maksimum sebanyak tiga ribu juta ringgit yang boleh didapatkan sekarang akan ditambah menjadi lima ribu juta ringgit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1393.]